

**Najib Harap Hubungan Malaysia-China Kekal Kukuh  
Bernama  
2 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berharap hubungan di antara Malaysia dengan China akan kekal kukuh untuk tahun-tahun akan datang, sepertimana hampir 40 tahun lepas.

"Hubungan di antara Malaysia dengan China kekal kukuh selepas hampir 40 tahun. Saya berharap kami akan menikmati perkara sama untuk 40 tahun akan datang," katanya dalam mesej di Twitter beliau, Jumaat.

Menteri Luar China, Wang Yi mengunjungi Najib di pejabatnya di Putrajaya Khamis sempena lawatan seharinya ke negara ini.

Ini merupakan lawatan pertama Wang Yi ke negara ini sejak memegang jawatan Menteri Luar pada Mac. Lawatan itu menandakan keprihatinan China terhadap hubungannya dengan Malaysia, yang menjalin kerjasama perdagangan dan ekonomi sebagai aspek utama.

Tatkala Malaysia dan China bakal menyambut ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik pada 2014, lawatan Wang Yi menunjukkan komitmen kerajaan China untuk mengguna pakai pendekatan lebih luas dalam hubungannya dengan Malaysia secara khusus dan rantau ini secara amnya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=967956>